



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 21

13hb Oktober 2011

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 3850.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 3151 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 24 September 2009, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. P.A. 80494 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor menjadi suatu rizab tapak Perkuburan Islam yang dikawal oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40576 Shah Alam, Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 3510 pada 22 September 2011:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

Daerah—Sepang. Mukim—Dengkil. No. Pelan—P.A. 80494. No. Lot—413. Luas—11171 meter persegi. Luas untuk dibatalkan rizab—11171 meter persegi.

Bertarikh 7 Oktober 2011
[PDS(T) 10/SLD/558 SJ. 36;
P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 17]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID IBRAHIM
Menteri Besar
Selangor

Whereas, by Notification No. 3151 published in the *Government Gazette* of the State of Selangor on 24 September 2009, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [Act 56], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan Sheet No. P.A. 80494 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, to be a reserve for the purpose to wit, a site for Muslim grave, to be controlled by the Director of Jabatan Agama Islam Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Land and Mines of Selangor at the Land and Mines Office of the State of Selangor Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, 40576 Shah Alam, Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 3510 on 22 September 2011:

And whereas, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation described in the Schedule was received:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

District—Sepang. Mukim—Dengkil. Plan No.—P.A. 80494. Lot No.—413. Area—11171 square metres. Area to be revoke—11171 square metres.

Dated 7 October 2011
[PDS(T) 10/SLD/558 SJ. 36;
P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 17]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID IBRAHIM
Menteri Besar
Selangor

No. 3851.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 510 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 8 April 2004, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. P.A. 100247 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor menjadi suatu rizab tapak Masjid yang dikawal oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40576 Shah Alam, Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 3509 pada 22 September 2011:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Mukim—Cheras. No. Pelan—P.A. 100247. No. Lot—30571
Seksyen 5. Luas—2.915 ekar. Luas untuk dibatalkan rizab—2.915 ekar.

Bertarikh 7 Oktober 2011
[PTD.UL. 16/2/17-2000;
P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 17]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID IBRAHIM
Menteri Besar
Selangor

Whereas, by Notification No. 510 published in the *Government Gazette* of the State of Selangor on 8 April 2004, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [Act 56], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan Sheet No. P.A. 100247 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, to be a reserve for the purpose to wit, a site for mosque, to be maintained by the Director of Jabatan Agama Islam Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Land and Mines of Selangor at the Land and Mines Office of the State of Selangor Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, 40576 Shah Alam, Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 3509 on 22 September 2011:

And whereas, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation described in the Schedule was received:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

District—Hulu Langat. Mukim—Cheras. Plan No.—P.A. 100247. Lot No.—30571 Section 5. Area—2.915 acres. Area to be revoke—2.915 acres.

Dated 7 October 2011
[PTD.UL. 16/2/17-2000;
P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 17]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID IBRAHIM
Menteri Besar
Selangor

No. 3852.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Syafril Idzwan bin Abdul Khalid, Pentadbir Tanah Petaling, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 20 Oktober 2011 jam 11.00 pagi di Bilik Bicara, Tingkat 1, Kompleks Pejabat Tanah Petaling, Lot 37026, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM230,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini 10 Mei 2011 adalah RM186,179.51 (Ringgit Malaysia: Seratus Lapan Puluh Enam Ribu Seratus Tujuh Puluh Sembilan dan Sen Lima Puluh Satu sahaja). (Pemegang Gadaian: OCBC Bank (Malaysia) Berhad).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM23,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 17 Februari 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pekan—Serdang. No. Lot—44124. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1265/M2/12/109. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2832/2009.

Bertarikh 18 Ogos 2011
[PTP. 12/186/10]

SYAFRIL IDZWAN BIN ABDUL KHALID
Pentadbir Tanah
Petaling

No. 3853.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Syafril Idzwan bin Abdul Khalid, Pentadbir Tanah Petaling, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Khamis 20 Oktober 2011 jam 11.00 pagi di Bilik Bicara, Tingkat 1, Kompleks Pejabat Tanah Petaling, Lot 37026, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM380,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lapan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini 7 Jun 2011 adalah RM321,014.67 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Dua Puluh Satu Ribu Empat Belas dan Sen Enam Puluh Tujuh sahaja). (Pemegang Gadaian: Public Bank Berhad).
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM38,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Lapan Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 17 Februari 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Petaling. No. P.T.—18107. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3212. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 810/2005.

Bertarikh 6 September 2011
[PTP. 12/54/11]

SYAFRIL IDZWAN BIN ABDUL KHALID
Pentadbir Tanah
Petaling

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA